

TARIKH: 3/8/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 18

lokal

KAJIAN SEMULA TAHAP GAJI MINIMUM

Tangani ketidaksamaan pendapatan



Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kajian semula tahap gaji minimum di bawah Ekonomi Madani dilihat dapat membantu dalam menangani ketidaksamaan pendapatan sekali gus mampu mengecilkan jurang gaji antara pekerja berpendapatan rendah dan tinggi.

Profesor Ekonomi Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Abdul Rahim Abdul Samad berkata, tujuan gaji minimum untuk mewujudkan tahap pendapatan asas bagi melindungi pekerja daripada eksploitasi dan memastikan taraf hidup rakyat terjamin.

Menurutnya, gaji minimum dalam kerangka Ekonomi Madani menjadi salah satu matlamat utama gaji minimum untuk meningkatkan pendapatan pekerja bergaji rendah.

Katanya, gaji minimum yang tinggi secara tidak langsung boleh menyebabkan pekerja di syarikat kecil dengan margin keuntungan rendah berdepan kehilangan pekerjaan.

"Ini kerana majikan mungkin mengurangkan pengambilan atau mengurangkan waktu pekerja untuk mengatasi peningkatan kos buruh.

"Selain itu, kenaikan gaji minimum yang ketara boleh



"Bagaimanapun, kerajaan boleh memberi insentif kepada perniagaan untuk melabur dalam teknologi yang meningkatkan produktiviti dan pembangunan kemahiran bagi mengekalkan keuntungan walaupun kos buruh meningkat"

menyebabkan inflasi lebih tinggi dan menyebabkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

"Bagaimanapun, kerajaan boleh memberi insentif kepada perniagaan untuk melabur dalam teknologi yang meningkatkan produktiviti dan pembangunan kemahiran bagi mengekalkan keuntungan walaupun kos buruh meningkat," katanya.

Menurutnya, menerusi

inisiatif menjamin persekitaran kerja yang selamat dan selesa dengan memperkenankan undang-undang yang melindungi hak pekerja, usaha di bawah Ekonomi Madani boleh dilaksanakan melalui akta sedia ada.

Katanya, ia memberi manfaat kepada pekerja selain dapat mencegah kecederaan, penyakit dan kematian berkaitan kerja yang mana garis panduan perlu disediakan untuk majikan.

"Jika nak dibandingkan dengan ekonomi dan kewangan masa kini, gaji ditawarkan adalah sedikit rendah dari gaji purata di Malaysia"

"Menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat sebenarnya adalah tanggungjawab majikan, justeru majikan perlu mengenali pasti dan menangani potensi bahaya, menyediakan latihan kepada pekerja, rekod kecederaan dan penyakit yang berkaitan kerja," katanya.

Katanya, kerangka Ekonomi Madani sangat diperlukan untuk melindungi nasib dan mempertahankan hak rakyat.

Sementara itu, Eksekutif Sumber Manusia Nor Azlina Mohd Ariffin, 24, berkata dia yang baharu memasuki alam pekerjaan menyokong usaha yang dilaksanakan di bawah Ekonomi Madani terutama membabitkan kajian gaji minimum.

"Jika nak dibandingkan dengan ekonomi dan kewangan masa kini, gaji ditawarkan adalah sedikit rendah dari gaji purata di Malaysia.

"Dengan mengkaji semula tahap gaji minimum di Malaysia, ia mampu menangani kadar pengangguran sekali gus mengurangkan peratus rakyat Malaysia yang miskin bandar," katanya.

Bagi Abdullah Khir Mohd Johar, 26, peluang pekerjaan ditawarkan untuk graduan agak terhad serta bayaran lebih rendah ditawarkan



menyukarkan graduan untuk terus bertahan dengan ekonomi masa kini.

"Langkah kerajaan mengkaji semula gaji minimum sangat bagus dan semoga

dapat membantu dalam memberikan peluang pekerjaan dengan gaji yang sesuai dengan kelayakan pendidikan terutama kepada graduan baru," katanya.



"Peluang pekerjaan ditawarkan untuk graduan agak terhad serta bayaran lebih rendah ditawarkan menyukarkan graduan untuk terus bertahan"